Utusan Borneo: 24 November 2026

Lelaki simpan motosikal curi dipenjara lima bulan

MIRI: Padah menyimpan sebuah motosikal curi, seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara lima bulan oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Umi Syukriah Harun selepas meneliti beberapa faktor termasuk pengakuan bersalah tertuduh, rayuannya, keterangan fakta kes, keseriusan kesalahan serta mengambil kira kepentingan awam.

Tertuduh, Spencer Gundie, 34, dari Tudan Desaras di sini, didakwa mengikut Seksyen 411 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak melebihi lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan fakta kes, pada 17 September lalu, seorang lelaki tampil membuat laporan di Balai Polis Lutong berhubung kehilangan sebuah motosikal milik bapanya.

Dalam aduannya, pengadu mendakwa sekitar jam 5.30 pagi hari sama, beliau mendapati motosikal milik bapanya yang diletakkan dalam keadaan berkunci di luar hadapan rumah sewa mereka di Tudan Desaras di sini, telah hilang dipercayai dicuri oleh orang tidak dikenali.

Bertindak atas maklumat diterima, sekitar jam 5 petang, 18 November lalu di hadapan sebuah rumah di Lorong Perdana 5B-2-A Tudan Desaras di sini, sepasukan pegawai dan anggota polis diketuai Inspektor Mohd Fadzlee Syahmi yang menjalankan Ops Lejang telah menahan tertuduh kerana disyaki terlibat dalam jenayah harta benda.

Semasa tangkapan dibuat, polis turut merampas sebuah motosikal yang menggunakan plat pendaftaran palsu daripada milik tertuduh kerana dipercayai harta curi.

Hasil daripada semakan nombor enjin mendapati motosikal itu telah dilaporkan hilang bersabit satu laporan polis yang dibuat di Balai Polis Lutong.

Di hadapan mahkamah, tertuduh merayu hukuman ringan dengan alasan itu adalah kesalahan pertamanya.

Pendakwaan kes dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.